

CADANGAN BAGI PENAMBAHBAIKAN PROSES PILIHAN RAYA DIDALAM SESI PENDENGARAN AWAM JPKP

1) Tempoh bertenang (cooling period)

- perlu diwujudkan tempoh bertenang selama dua (2) hari bagi memberi peluang kepada pengundi untuk membuat pilihan berdasarkan kehendak sendiri.

2) Fee Bantahan

- fee bantahan bagi daftar nama pemilih perlu dinaikkan daripada RM10.00 kepada RM150.00 agar proses bantahan tidak dilakukan dengan sesuka hati.

3) Pengundi luar negara tidak berhak untuk mengundi

- ini kerana, mereka tidak mengetahui berkenaan situasi atau senario politik semasa negara, bukannya pembayar cukai pendapatan serta tidak menjanakan hasil kepada negara dan tahap pemikiran mereka boleh diragui kerana terdedah dengan pendapat dari luar.

4) Pendaftaran Secara Automatik

- didapati cara ini tidak begitu berkesan kerana kebanyakan mengundi tidak menukar alamat pada MyKad kepada alamat tempat tinggal.

5) Umur mengundi dinaikkan kepada ²⁵~~21~~ tahun

- pada usia ini, pengundi dilihat berfikiran terbuka, lebih matang, peka terhadap situasi semasa, tidak mudah terpengaruh dengan anasir yang bersifat negatif dan boleh membuat pertimbangan serta penilaian ke atas sesuatu perkara mengikut kehendak sendiri.

6) Keperluan Tempoh Berkempen Tidak ^{Melebihi} Kurang Dari 21 Hari Oleh SPR

- didapati tempoh berkempen tidak perlu dipanjangkan kepada lebih 21 hari kerana dikhuatiri pihak-pihak tertentu menyalahguna masa berkempen.

7) Alamat Mengundi

- SPR diharap untuk mengekalkan paparan alamat pengundi berdaftar sedia ada dan tidak memaparkan alamat penuh bagi tujuan 'privacy' pengundi.

8) Peggantungan Daftar Bahagian

- SPR diharap hanya menggantung pendaftaran pemilih yang dibantah sahaja tanpa menggantung pendaftaran keseluruhan bahagian.

- 9) Parti Politik yang bertanding sahaja yang diambil kira.
- mengenai pelbagai hal berkaitan dengan pilihan raya
 - berhubung dengan pengisytiharan kemenangan
 - hak etimuk dituguk - menubuhkan kerajaan